

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (69)

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **MBPJ LANJUT TARIKH KEMPEN PENGURANGAN KOMPAUN**

Bermula pada 1 Jun hingga 30 Jun 2012 yang lalu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memperkenalkan kempen pengurangan kompaun 2012. Kempen ini diadakan bersempena Sambutan Ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya dan ianya merupakan salah satu inisiatif MBPJ dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang awam untuk menjelaskan kompaun yang tertunggak.

Kempen pengurangan kompaun ini membolehkan orang awam menikmati kadar pengurangan kompaun sehingga 80% yang dikenakan keatas pesalah lalulintas di kawasan Petaling Jaya. Sehingga kini, jumlah kutipan yang telah berjaya dikutip semenjak kempen ini diperkenalkan adalah sebanyak RM 103,500 daripada 5206 kompaun yang telah dikeluarkan.

Di sebabkan kempen pengurangan kompaun ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan, pihak Majlis amat berbesar hati untuk memanjangkan tempoh kempen pengurangan kompaun ini sehingga 31 Julai 2012. Oleh yang demikian, pihak Majlis berharap agar orang ramai dapat mengambil peluang keemasan ini untuk menjelaskan segala tunggakan kompaun yang masih belum dijelaskan.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai kempen ini, orang ramai boleh terus menghubungi Jabatan Pengutkuasaan dan Keselamatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 1, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 42600 Petaling Jaya atau menghubungi talian 03 7958 2372.

Di sediakan Oleh:

**Sekretariat Media**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh: 4 Julai 2012

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)

Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)